

BULETIN PESONA

EDISI 2
JULAI-DIS | 2023

PENDANG



BERSIH. INDAH. MAJU. SELAMAT



Sambutan Hari Sukan Negara peringkat Daerah Pendang (M/s 11)

ANTARA YANG MENARIK DI DALAM...



M/S 6



M/S 7



M/S 8



M/S 10



M/S 12

SIDANG PENGARANG

PENASIHAT :

En. Nasrun Bin Dato' Mohd Sheriff
AMK., BCK.

KETUA PENYELARAS :

Pn. Norfazni Binti Mustaffa, BCK.

KETUA PENGARANG :

En.Radzie Iszuan Bin Jamadi

PENGARANG :

Pn.Norwani binti Ahmad
En.Muhammad Fashwan bin
Fathullah Suhaimi
Pn.Fatimah binti Ahmad
En.Khairul Azhar bin Mohd Rozi
En.Mohd Badrul Hafiz bin Nasri
En.Muhammad 'Adnin bin Subri
Pn.Siti Sarah Najwa binti Sahid
Abdullah
Cik Nur A'na Afifah binti Abd Latif
Pn. Nur Nasuha binti Khairul Anwar

GRAFIK :

En. Zahrul Anwar bin Zakaria

JURUFOTO :

En. Md Shamsul bin Awang

Buletin Majlis Daerah Pendang diterbitkan dua kali setahun oleh Unit Komunikasi Korporat, Perhubungan Awam dan Pelancongan Majlis Daerah Pendang. Naskah yang diedarkan adalah PERCUMA. Pihak MDP amat mengalu-alukan cadangan dan sumbangan idea berupa artikel atau komen daripada pelbagai pihak. Cetusan kreatif dan bermakna boleh diemalkan kepada,

admin@mdpendang.gov.my

HAK CIPTA TERPELIHARA

Penerbitan ini tidak boleh dicetak atau disiarkan dalam apa jua cara seperti fotokopi, elektronik, rakaman, atau lain-lain yang berkaitan kecuali dengan kebenaran bertulis daripada Majlis Daerah Pendang.

ISI KANDUNGAN

TITIPAN YANG DIPERTUA	3
LAWATAN PEMERHATIAN BAGI PEMATUHAN SAGA	4
LAWATAN <i>BENCHMARKING</i> DARI MP LANGKAWI	5
PERBARISAN KAWAD MERDEKA 2023	6
BENGKEL TATACARA PENGURUSAN ASET KERAJAAN ANJURAN BAHAGIAN SUMBER MANUSIA	7
SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN & HARI MALAYSIA PERINGKAT DAERAH PENDANG 2023	8
LAWATAN KERJA MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN BAGI PELAKSANAAN DDMS	9
MAJLIS ANGKAT SUMPAAH AHLI MAJLIS 2023 - 2025	10
SAMBUTAN HARI SUKAN NEGARA	11
IKRAR BEBAS RASUAH SPRM	12
<i>STAFF DAY</i> MDP	13
PROGRAM PSIKOLOGI DAN KAUNSELING	14
APC MDP 2023	15
SELAMAT DATANG KE MDP	16
PEMENANG KUIZ BULANAN MDP	17

DITERBITKAN OLEH
Majlis Daerah Pendang, Wisma MDP 06700
Pendang Kedah Darul Aman
MALAYSIA
04-7596077
04-7596709
aduan@mdpendang.gov.my

HUBUNGI KAMI :
Majlis Daerah Pendang, Wisma MDP 06700
Pendang Kedah Darul Aman
MALAYSIA
04-7596077
04-7596709
aduan@mdpendang.gov.my



Titipan Yang Dipertua Majlis Daerah Pendang

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Alhamdulillah, Syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan keizинannya kita dapat bertemu lagi dalam edisi ke-dua Buletin Persona Pendang.

Sebagai manusia, kita telah diberi amanah untuk menjalankan tanggungjawab sebagai khalifah Allah diatas bumi ini dengan sebaiknya. Kita bertuah kerana dipilih untuk mentadbir bumi berbanding kesekalian makhluk lain yang Allah ciptakan. Perbezaan antara kita dengan makhluk ciptaan Allah yang lain adalah kita dianugerahi akal untuk membezakan yang mana baik, yang mana buruk. Jadi, seharusnya kita menggunakan kebijaksanaan sebelum membuat sesuatu keputusan yang memberi kesan kepada kemaslahatan orang lain mahupun kehidupan kita pada masa akan datang.

Begitu juga dengan amanah. Apabila kita diberi tanggungjawab sebagai pemimpin atau ketua, itu merupakan satu amanah yang dipertanggungjawabkan kepada kita untuk mentadbir dan menjalankan tugas di jabatan mahupun dalam masyarakat. Tanggungjawab ini wajib kita pikul dan laksanakan sebaiknya sepanjang perkhidmatan kita. Kadang-kadang kita lupa akan akujanji yang telah kita buat sewaktu memegang amanah ini satu ketika dahulu, namun jika sentiasa menggunakan akal dan pertimbangan sewajarnya, insya Allah pasti Allah akan membantu memudahkan urusan kita.

Marilah kita sama-sama berpesan kepada diri sendiri supaya tidak sombong dan meninggikan diri dengan jawatan yang kita ada kini kerana ianya hanyalah pinjaman daripada Allah SWT. Sebaiknya, kita perlu sentiasa tawadu' dan tidak menyalahguna kuasa dan kepercayaan yang diberikan.

Kesimpulannya, siapapun kita, apapun jawatan kita, amanah perlu dilaksanakan dengan sebaiknya . Tetaplah melakukan kebaikan dan memberikan yang terbaik dalam pekerjaan mahupun kehidupan.

Semoga setiap amanah yang kita laksanakan mendapat keberkatan daripada Allah SWT. Sekian. Terima kasih

**Nasrun Bin Dato' Mohd Sheriff AMK., BCK.
Yang DiPertua,
Majlis Daerah Pendang,
Kedah Darul Aman.**

LAWATAN PEMERHATIAN BAGI PEMATUHAN SAGA

19 09 2023 Majlis Daerah Pendang telah menerima kunjungan daripada panel Jawatankuasa Pematuhan Sistem Perakaunan Standard bagi Agensi Kerajaan (SAGA) dalam usaha untuk mendapatkan pensijilan ke arah mengguna pakai sistem SAGA secara menyeluruh dalam perakaunan di Majlis Daerah Pendang.

Panel yang di ketuai oleh Puan Anishah binti Abd Wahid, Timbalan Pengarah, Bahagian Khidmat Perunding, Jabatan Akauntan Negara Malaysia bersama 13 pegawai yang lain telah membuat penilaian serta perbincangan menyeluruh dengan kakitangan Jabatan Kewangan Majlis Daerah Pendang.

Jawatankuasa tersebut berpuas hati dengan dokumen-dokumen yang dibentangkan oleh akauntan MDP, Puan Siti Nur Hananie Bt Sukarno serta kakitangan Jabatan Kewangan MDP.

Hadir sama dalam perbincangan tersebut ialah Setiausaha MDP, Puan Norfazni Binti Mustaffa , mewakili Yang DiPertua Majlis Daerah Pendang.



LAWATAN *BENCHMARKING* DARI MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI BANDARAYA PELANCONGAN

30.08.2024 Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan (MPLBP) telah mengadakan lawatan ke MDP bagi tujuan perkongsian maklumat berkaitan sistem pengurusan aset.

Pn. Anis Sallihah Binti Zabudin, Pegawai Tadbir Jabatan Khidmat Pengurusan MPLBP mengetuai lawatan tersebut dan telah disambut oleh Pn. Wan Arma Binti Wan Ikram.

Seterusnya, mereka dibawa ke Bilik Mesyuarat Teratai untuk mendengar penerangan berkaitan sistem aset MDP yang disampaikan oleh Pn. Nur Hidayah Binti Riduan daripada Bahagian ICT.

Semoga pihak MPLBP mendapat serba sedikit perkongsian daripada MDP. Terima Kasih.



BMDP EDISI 2 2023

M/S 5

PERBARISAN KAWAD MERDEKA 2023



Majlis Daerah Pendang sekali lagi telah mengambil bahagian dalam Perarakan Dan Perbarisan Hari Kebangsaan Peringkat Negeri Kedah tahun 2023.

Kontinjen ini di ketuai oleh Penolong Pegawai Penguatkuasa, En. Masril Safizam Bin Md Saad dan seramai 33 orang kakitangan MDP turut terlibat dalam perbarisan kali ini yang membawakan konsep pemakaian *smart casual contemporary*.

Sambutan Hari Kebangsaan Peringkat Negeri Kedah telah berlangsung dihadapan jalan utama Masjid Zahir, Alor Setar turut disertai oleh puluhan agensi kerajaan, badan berkanun, badan bukan kerajaan (NGO) dan sekolah-sekolah.

Orang ramai mula membanjiri sekitar dataran Masjid Zahir seawal jam 7pagi bagi menyaksikan kemeriah perarakan kali ini.



BENGKEL TATACARA PENGURUSAN ASET KERAJAAN



10 09 2023 ; Bahagian Sumber Manusia MDP telah mengadakan satu kursus dalaman berkaitan pengurusan aset kerajaan. Kursus ini telah disampaikan oleh En. Saharizan Bin Meor Idris, Penolong Perunding Latihan, INTURA. Kursus yang diadakan di Bilik Gerakan, Majlis Daerah Pendang itu bertujuan memberi pemahaman kepada kakitangan bagaimana tatacara pengurusan aset kerajaan terutamanya yang terdapat di Majlis Daerah Pendang. Sepanjang penerangan yang disampaikan, beberapa simulasi dan latihan juga turut diadakan supaya setiap kakitangan arif akan dokumen berkaitan aset yang mereka uruskan di jabatan masing-masing.



BMDP EDISI 2 2023

M/S 7

SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN & HARI MALAYSIA PERINGKAT DAERAH PENDANG 2023



16.9.2023; STADIUM MINI PENDANG – Baru-baru ini, Sambutan Hari Kebangsaan dan Sambutan Hari Malaysia peringkat daerah Pendang telah diadakan di perkarangan Stadium Mini Pendang. Program tersebut telah di hadiri oleh Yang Berusaha Pegawai Daerah Pendang , En. Nasrun Bin Dato' Mohd Sheriff, selaku tetamu utama serta ketua-ketua jabatan & agensi di daerah Pendang. Turut di jemput ke sambutan tersebut adalah Ahli Parlimen Pendang, Yang Berhormat Datuk Haji Awang Solahuddin Bin Hashim dan Adun Sungai Tiang, Yang Berhormat Abdul Razak Khamis. Bermula seawal 7.00 pagi lagi, para pengunjung mula memenuhi perkarangan Mini Stadium Pendang bagi menyaksikan sendiri sambutan yang julung-julung kalinya diadakan. Hampir 36 kontinjen terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat yang mewakili jabatan, agensi, NGO serta persatuan di daerah Pendang telah menyertai perarakan dengan pelbagai busana berwarna-warni dan bertemakan sambutan hari Malaysia.

Kemeriahan sambutan bermula dengan perarakan masuk kontinjen-kontinjen melintasi astaka utama yang berarak sambil mengibarkan bendera Malaysia. Turut memeriahkan perarakan tersebut adalah konvoi bermotor dan juga kenderaan berhias daripada syarikat *1 minute miracle*. Kemuncak sambutan pada hari tersebut adalah gimik lintasan hormat dron yang membawa bendera Malaysia dan diakhiri dengan pertunjukan seni silat oleh Pertubuhan Seni Silat Warisan Pusaka Kedah.

Selain perarakan dan lintas hormat, pada hari itu juga dimeriahkan dengan pameran daripada pelbagai jabatan dan agensi penguatkuasaan seperti Jabatan Bomba & Penyelamat, Angkatan Pertahanan Awam, ATM, PDRM serta dari sekolah-sekolah dibawah Jabatan Pendidikan Daerah Pendang.

Lawatan Kerja Majlis Bandaraya Seremban bagi pelaksanaan DDMS

Pada 01hb Oktober 2023 yang lalu , Majlis Daerah Pendang telah menerima kunjungan daripada Majlis Bandaraya Seremban (MBS). Lawatan kerja itu bertujuan untuk berkongsi bagaimana sistem DDMS dilaksanakan di MDP.

Deligasi MBS seramai 57 staff pelbagai jawatan itu telah disambut oleh En. Mohamad Zahimi Bin Harun, Ketua Jabatan Khidmat Pengurusan merangkap penyelararas bagi sistem DDPM di Majlis Daerah Pendang.

Sesi penerangan dan soal jawab berkaitan DDMS tersebut telah diadakan di Bilik Mesyuarat Teratai. Semoga perkongsian ini dapat sedikit sebanyak membantu MBS melaksanakan sistem DDMS sepenuhnya di jabatan mereka.



MAJLIS ANGKAT SUMPAH AHLI MAJLIS 2023 - 2025

16 10 2023 ; Satu majlis rasmi khas bersempena perlantikan Ahli Majlis, Majlis Daerah Pendang bagi tahun 2023-2025 telah berlangsung di Bilik Mesyuarat Utama, Kompleks Teratai MDP.

Seramai tujuh orang Ex-officio terdiri daripada pegawai dan ketua jabatan lain-lain agensi dalam daerah Pendang termasuk Tuan Yang Dipertua MDP telah menerima dan mengangkat sumpah watakah perlantikan tersebut. Ybrs En. Nasrun Bin Dato' Mohd Sheriff, mengetuai senarai Ex-Officios diikuti Ketua Penolong Pegawai Daerah (Tanah), Ketua Polis Daerah, Pegawai Kesihatan Daerah, Ketua Penolong Pengarah PlanMalaysia (KEDAH), Jurutera Daerah (JKR) dan Jurutera Daerah (JPS).

Seterusnya, seramai 18 orang Ahli Majlis (lantikan politik) menerima watakah perlantikan sebagai Ahli Majlis bagi Majlis Daerah Pendang, dengan disaksikan oleh Tuan YDP serta Setiausaha MDP, Puan Norfazni Binti Mustaffa. Tahniah diucapkan dan selamat bertugas!



SAMBUTAN HARI SUKAN NEGARA PERINGKAT DAERAH PENDANG 2023

14.10.2023 bertempat di Sekolah Menengah Kebangsaan Pendang, sambutan Hari Sukan Negara Peringkat Daerah Pendang telah diadakan dengan meriahnya. Hampir 500 peserta terdiri daripada pelajar sekolah, belia dan juga warga Pendang menyertai sambutan tersebut. Acara yang bermula seawal 7.00pagi itu telah disempurnakan oleh Ybrs En. Nasrun Bin Dato' Mohd Sheriff, Pegawai Daerah Pendang merangkap Yang Dipertua, Majlis Daerah Pendang dengan disertai oleh Pegawai Belia Sukan Daerah Pendang, En. Ahmad Kamaruizaman bin Jamaluddin, Pengetua SMK Pendang, En, Abdul Samad bin Abdul Hakim dan En. Mohd Zhafri bin Dato' Haji Mohd Zohdi. Penolong Pegawai Daerah Pendang. Pelbagai acara sukan dan aktiviti menarik diadakan termasuklah, *fun run* dan *fun ride*, senamrobik, pertunjukan taekwando, *netball shoot out*, pertandingan bolasepak dan zumbthon



PROGRAM PEMANTAPAN ANTIRASUAH & MAJLIS IKRAR BEBAS RASUAH MDP-PDP-PDTP



09.11.2023 Bertempat di Dewan Cenderawasih, Majlis Daerah Pendang, satu program khas bersama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah diadakan bagi memberi pemahaman kepada kakitangan pentadbiran daerah Pendang berkenaan bahaya dan risiko rasuah kepada penjawat awam.

Program khas itu diadakan sebagai tanda bebas rasuah yang akan dibudayakan di peringkat Majlis Daerah Pendang dan juga Pentadbiran Daerah & Tanah Pendang.

Program pagi itu dimulakan dengan sesi penerangan & dialog pemantapan anti rasuah dalam pengurusan perolehan dibawah akta SPRM 2009 yang disampaikan oleh Penolong Penguasa Mohd Azfar Bin Johari.

Seterusnya, Ybrs En. Nasrun Bin Dato' Mohd Sheriff, Pegawai Daerah Pendang merangkap Yang Dipertua, Majlis Daerah Pendang memberikan ucapan alu-aluan sebagai tanda kesungguhan Pentadbiran Daerah Pendang.

Ketua siasatan Negeri SPRM negeri kedah, Tuan Syed Aswadi Bin Syed Soffian turut dijemput hadir bagi menyaksikan serta menerima aku janji bebas yang telah ditandatangani oleh Pegawai Daerah Pendang sebagai wakil

kepada seluruh wargakerja
Pentadbiran Daerah Pendang.



BMDP EDISI 2 2023

M/S 12



STAFF DAY MDP 2023



Pada 24hb dan 25hb November 2023 yang lalu, satu program khas meraikan kakitangan MDP telah diadakan di Pulau Pinang. Program selama dua hari yang dianjurkan bersama oleh Kelab Kebajikan Majlis Daerah Pendang dengan kerjasama pengurusan MDP bertujuan megeratkan silaturahim sesama staf dan juga pihak pengurusan.

Selain bagi meraikan kakitangan yang menyambut hari jadi pada bulan Oktober sehingga Disember.

Program secara santai tersebut dimeriahkan dengan acara cabutan bertuah yang menawarkan hadiah menarik kepada kakitangan MDP. Ybrs En. Nasrun Bin Dato' Mohd Sheriff, Yang Dipertua, Majlis Daerah Pendang hadir memeriahkan program tersebut yang juga turut dihadiri oleh Setiausaha MDP, Puan Norfazni Binti Mustaffa.

PROGRAM PSIKOLOGI DAN KAUNSELING



20.12.2023 Bahagian Sumber Manusia Majlis Daerah Pendang telah menganjurkan satu kursus dalaman berkaitan psikologi dan kaunseling peribadi untuk kakitangan MDP .

Program dalam bentuk ceramah itu telah disampaikan oleh Puan Maizun Binti Ibrahim pegawai psikologi, Jabatan Kebajikan Masyarakat daerah Pendang.

Seramai 20 orang kakitangan MDP telah menghadiri program ini dengan ceramah mengenal potensi diri serta simulasi aktiviti dalam kumpulan.

Tujuan diadakan program ini ialah untuk mengenalpasti tahap kesihatan minda dan psikologi pekerja dalam menjalani kehidupan samada di pejabat ataupun dirumah.

En. Muhammad Azrai Bin Ahmad Hajazi, Ketua Bahagian Sumber Manusia hadir menyampaikan cenderamata pada sesi penutup program tersebut.

Tahniah

ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2023



EN. AHMAD AZMAN BIN IDRIS
UNIT PUSAT SEHENTI (OSC)



EN. RIZAL BIN AHMAD
JABATAN KEJURUTERAAN



EN. MOHD ROSHIDI BIN SHARIF
JABATAN PENGUATKUASAAN



EN. ZHRUL ANWAR BIN ZAKARIA
BAHAGIAN ICT



PUAN ZURIANA BINTI HASHIM
UNIT UNDANG-UNDANG



PUAN SITI ROHAYU BINTI OTHMAN
BAHAGIAN PERANCANGAN FIZIKAL

Selamat Datang ke *MDP*



30082023 Lawatan *benchmarking* Majlis Perbandaran Langkawi



04092023 *Exit Conference* penyata kewangan 2022



19092023 Lawatan Pemerhatian Pematuhan SAGA



01102023 Lawatan Kerja Majlis Bandaraya Seremban

Tahniah kepada pemenang kuiz bulanan *MDDP* 2023



AMALAN 3R DI PEJABAT



3R di pejabat merupakan budaya pengurusan sisa pepejal yang lestari di kawasan pejabat melalui amalan (Reduce-Pengurangan, Reuse-Guna Semula, Recycle-Kitar Semula)

REDUCE	REUSE	RECYCLE
Amalan pengurangan/pengurangan sisa atau sumber dalam konteks penggunaan dan mengurangan pembuangan barang.	Amalan menggunakan semula barangan yang tidak dibaharui sama ada secara konvensional atau secara kreatif bagi menjalankannya dari dipusut.	Proses memungut dan mengasingkan sisa kitar semula bagi tujuan menghasilkan produk baharu.

PERANAN JAWATANKUASA 3R
 •Merancang, melaksana, merokod melaporkan program kesedaran amalan 3R di pejabat.

PERANAN PINAK PENGURUSAN
 •Menyediakan infrastruktur dan fasiliti berkaitan pengurusan sisa pepejal dan amalan 3R di pejabat.

PERANAN WARGA KERJA
 •Mematuhi peraturan yang ditetapkan, menyokong dan mengambil bahagian dalam program-program kesedaran amalan 3R di pejabat.

KEPENTINGAN AMALAN 3R DI PEJABAT

- Ruang kerja kemas dan teratur EKSA (Eksistim Kenderif Sektor Awam) bagi pejabat kerajaan dan Pengakreditasi Environmental Management System (ISO14000).
- Ke arah 30% kadar kitar semula menjelang tahun 2020.
- Elak sisa pepejal bercampur (sisa baik dan sisa kitar semula).
- Amalan hijau dalam pengurangan pelepasan gas rumah hijau dan carbon footprint.



AKTIVITI GUNA SEMULA DI PEJABAT

- SUDUT GUNA SEMULA**
Ruang untuk pekerja melakukan barangan yang tidak boleh digunakan lagi seperti labirin buku, alat tulis, bag, guna semula.
- PROGRAM FLEA MARKET**
Warga kerja mempunyai untuk menjual semula dan bertukar-tukar barangan terpakai yang masih elok sesama rakan pejabat.
- PROGRAM PRE-LOVED ITEM**
Warga kerja membawa barangan yang masih elok untuk dikumpulkan dan diberikan kepada pelanggan yang memerlukan.
- UPCYCLING (GUNA SEMULA SECARA KREATIF)**
Aktiviti upcycling daripada barangan terbuang. Projek boleh dibina dengan hasil khasan DIY.

KAEDAH KITAR SEMULA DI PEJABAT

